

BUDAYA DAN BAHASA JADI ISU DR. M



■ Datuk Seri Dr. Mahathir tengah di Pertemuan Dunia Melayu yang beliau diberi penghormatan merasmikannya. Kelihatan sama: Ketua Menteri Melaka, Enik Rahim Thamby Chik dan Ketua Satu GAPENA, Prof. Datuk Ismail Hussein.

JADI ISU DR. M

Oleh ASARI IBRAHIM

MELAKA, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, persoalan konsep kebudayaan kebangsaan dan bahasa kebangsaan tidak timbul lagi dan tidak harus dijadikan isu politik oleh mana-mana pihak.

Katanya, rakyat telah bersetuju bahawa perpaduan dan keutuhan negara akan dibina dan dipupuk melalui satu bahasa iaitu bahasa kebangsaan dan satu kebudayaan iaitu kebudayaan kebangsaan.

Berucap merasmikan Pertemuan Dunia Melayu di Dewan Besar Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka di sini, Perdana Menteri menjelaskan, bahasa kebangsaan diaaskan dari Bahasa Melayu dan kebudayaan kebangsaan berteraskan kebudayaan asal rakyat perbumi Malaysia.

Bellau bagaimanapun menambah, kebebasan mengamalkan kebudayaan masing-masing sebagai budaya kesukuan dalam rangka dan batas-batas tertentu, adalah terjamin dalam Perlembagaan Negara.

"Jadi, jika kita benar-benar inginkan sebuah negara yang aman-makmur, bahasa dan kebudayaan tidak harus dijadikan isu politik yang hanya menguntungkan golongan anti-perpaduan dan yang iaitu-setiannya boleh diragukan," ujarnya.

Bellau juga kekal dengan sikap setengah-setengah pihak yang mempersoalkan kekesanan 'perancangan kebudayaan' kerana pada mereka, kebudayaan seharusnya tumbuh dan berkembang dengan 'natural', sebagai waris dari satu generasi ke satu generasi.

Bellau menjelaskan, sungguhpun kehidupan itu merupakan warisan, ia tidak statik dan sentiasa mengalami perubahan yang akalalanya begitu radikal.

Tambah bellau, kemampuan kebudayaan mengalami perubahan memberikan harapan untuk meran-

cang dan melakukan perubahan-perubahan sesuai dengan keperluan masa.

"Kita boleh meninggalkan nilai-nilai dan amalan-amalan yang merugikan, atau yang bertentangan dengan kepentingan nasional, kita boleh memupuk dan memperkukuh nilai-nilai yang baik, yang belum menjadi amalan masyarakat, dan kita boleh juga menanamkan nilai-nilai baru yang boleh membantu membina bangsa yang kuat.

"Dan ini semua dapat dilakukan tanpa merosakkan, malah memperkukuhkan keperibadian kita sebagai satu bangsa," jelasnya.

"Beliau berkata, kebudayaan Melayu sejak ratusan tahun memperibatkan kemampuannya untuk berkembang dan telah banyak berubah.

"Oleh kerana itu, apabila Dasar Kebudayaan Kebangsaan ditetapkan akan hanya menerima unsur-unsur budaya asing yang sesuai dan wajar, ini bukanlah satu hal yang baru dan bukan pula sekadar kata-kata sahaja," tegasnya lagi.

Bellau menambah, kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini, yang menerima kemasukan unsur-unsur asing, yang menjadikan Islam sebagai unsur penting, sebenarnya adalah sesuatu yang berlaku sejak ratusan tahun yang lampau.

Ikut terserap

"Perbezannya ialah, perkembangan pada masa lalu berlaku lama-lama dan perancangan sehingga ikut terserap unsur-unsur yang tidak membabitkan dan tidak ditingit malah menghalang pertumbuhan kebudayaan wajar yang boleh membentuk satu bangsa yang kuat dan benar-benar setia kepada negara Malaysia," ujarnya.

Mengenai dunia Melayu yang mempunyai sejarah gemilang sebelum kedatangan kuasa-kuasa asing, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dunia Melayu hampir hilang teras-teras pengenalannya kerana berhadapan dengan bangsa yang lebih linggi pengetahuan dan teknologinya.

"Kerutuhan politik dunia Melayu bukanlah kerana mereka-mereka kita tidak bersemangat dan tidak berani, tetapi kerana kita ditipu oleh, di samping disemakan bibit-bibit perpecahan supaya kita tidak boleh bersatu padu," jelasnya.

Tambahnya, ia berlaku kerana defegan cara halus, bangsa asing telah dapat menguak fikiran kebangsaan kita yang bersemangat, rendah diri sendiri.

Katanya, penjajah lebih menonjol-njolkan kebudayaan supaya kita boleh mementengkan seni dan budaya warisan dan sejarah, sementara ilmu pengetahuan, ekonomi dan politik dipisahkan supaya tidak diberi perhatian, supaya kita lemah.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia